



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KESALAHAN BAHASA MELAYU  
DI KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

**INDERBIR KAUR A/P SHAMSHER SINGH**

**FBMK 1995 2**

**KESALAHAN BAHASA MELAYU  
DI KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

**INDERBIR KAUR A/P SHAMSER SINGH**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

**1995**



**KESALAHAN BAHASA MELAYU  
DI KALANGAN MAHASISWA FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA**

**Oleh:**

**INDERBIR KAUR A/P SHAMSHER SINGH**

**Tesis yang dikemukakan untuk Memenuhi  
Sebahagian daripada Syarat Keperluan bagi Mendapatkan  
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Pertanian Malaysia**

**SEPTEMBER 1995**



## **PENGHARGAAN**

Penulis bersyukur ke hadrat Tuhan yang Maha Kuasa kerana kejayaan penyempurnaan tesis ini. Beberapa pihak telah membantu dalam menyempurnakannya. Penulis sangat berhutang budi dan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada mereka, terutama:

Jawatankuasa Penyeliaan, iaitu Profesor Dr. Abdul Hamid Mahmood selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Profesor Dr. Haji Amat Juhari Moain dan Profesor Madya Dr. Hajah Sharifah Nor kerana nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penyelenggaraan tesis ini. Kesabaran, minat dan dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas ini amat dihargai. Semoga Tuhan membalas jasa baik mereka.

Dekan, Timbalan Dekan, pensyarah dan kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan, yang membenarkan penulis menggunakan pelajar di fakulti tersebut sebagai subjek kajian.



Encik Che Ibrahim Salleh (Penyelaras Program PBMP), kerana dorongan, galakan dan bantuan yang diberikan.

Pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa dan Fakulti Pengajian Pendidikan, pihak Pusat Pengajian Siswazah, rakan-rakan program Master Sains di UPM, pelajar-pelajar yang menjadi subjek kajian dan sesiapa sahaja yang menyumbang secara langsung atau tidak dalam penyempurnaan tesis ini.

Ayah dan ibu yang disayangi, adik-beradik yang dikasihi Davin, Harpal, Deep; teman istimewa, Ganesan dan rakan-rakan lain yang sentiasa memberikan inspirasi dan dorongan, serta mendoakan kejayaan penulis. Kepada mereka semua, penulis mengabadikan tesis ini.



## JADUAL KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI RAJAH .....	xi
SENARAI SINGKATAN .....	xii
ABSTRAK .....	xiii
ABSTRACT .....	xvi
<b>BAB .</b>	
<b>I     PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian .....	1
Pernyataan Masalah .....	6
Objektif Kajian .....	7
Soalan-soalan Penyelidikan .....	8
Hipotesis Kajian .....	9
Kepentingan Kajian .....	10
Pembatasan Kajian .....	12
Definisi Operasional .....	15
Bahasa Melayu .....	15
Penguasaan Bahasa .....	16
Kesalahan Bahasa .....	16
Kesalahan Bahasa Melayu .....	17
Mahasiswa Bacelor Pendidikan .....	17
<b>II    SOROTAN LITERATUR .....</b>	<b>18</b>
Teori-teori Linguistik yang Digunakan ..	18
Teori Linguistik Deskriptif .....	19
Teori Linguistik Behaviorisme .....	20
Teori Linguistik Transformasi Generatif .....	21
Pandangan Am Tentang Analisis Kesalahan Bahasa .....	22
Kajian-kajian Awal .....	28
Kajian Berkaitan yang telah Dibuat .....	35
Kesalahan Bahasa Pelajar Institusi Pengkajian Tinggi .....	35
Kesalahan Bahasa Berdasarkan Kategori Tertentu .....	38
Kesalahan Bahasa dan Hubungannya dengan Beberapa Pemboleh Ubah .....	51



<b>III</b>	<b>KAEDAH DAN TATACARA PENYELIDIKAN</b>	<b>61</b>
	Rekabentuk Penyelidikan	61
	Kaedah Penyelidikan	61
	Kerangka Penganalisan Kesalahan Bahasa	62
	Pemboleh ubah Tidak Bersandar	66
	Pemboleh ubah Bersandar	67
	Populasi	67
	Sampel dan Persampelan Kajian	68
	Pemilihan Saiz Sampel Berdasarkan Program	68
	Pemilihan Saiz Sampel Berdasarkan Jantina	70
	Pemilihan Saiz Sampel Berdasarkan SSE	70
	Pemilihan Saiz Sampel Berdasarkan Keputusan BM Peringkat SPM	70
	Instrumentasi	71
	Soal Selidik	71
	Ujian Karangan	72
	Tatacara Mendapatkan Data	73
	Penentuan Kesalahan Bahasa	74
	Jenis-jenis Kesalahan Bahasa yang Dikaji	74
	Pemprosesan dan Penganalisan Data	82
<b>IV</b>	<b>PENTAFSIRAN DAN PERBINCANGAN HASIL KAJIAN</b>	<b>85</b>
	Penganalisan Kesalahan Bahasa Secara Keseluruhan	86
	Kesalahan Jenis Kata	93
	Kesalahan Struktur Ayat	96
	Kesalahan Jenis Ejaan	99
	Perbandingan Kesalahan Bahasa Kumpulan-kumpulan Pelajar	103
	Kesalahan Bahasa Berdasarkan Program	103
	Kesalahan Bahasa Berdasarkan Jantina	114
	Kesalahan Bahasa Berdasarkan Pencapaian BM SPM	127
	Kesalahan Bahasa Berdasarkan SSE	137
	Kekerapan Pembelajaran BM dan Jumlah Kesalahan Bahasa	146
	Perbincangan Kesalahan Bahasa yang Ketara	151
	Kesalahan Jenis Perkataan	151
	Kesalahan Struktur Ayat	165
	Kesalahan Jenis Ejaan	183



<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>194</b>
Rumusan .....	194
Implikasi Hasil Kajian .....	201
Implikasi Terhadap Program Bacelor Pendidikan UPM .....	201
Implikasi Terhadap Kandungan Pengajaran BM di UPM .....	203
Implikasi Terhadap Aktiviti/Latihan Meningkatkan Penguasaan Bahasa .....	204
Implikasi Terhadap Pengajaran pada Peringkat Persekolahan .....	205
Cadangan untuk Kajian Selanjutnya .....	206
 BIBLIOGRAFI .....	 210
LAMPIRAN	
A Kursus-kursus Kemahiran Bahasa Melayu .....	218
B Jadual Pemilihan Saiz Sampel .....	219
C Borang Soal Selidik dan Ujian Karangan .....	220
D Surat Akuan Pemeriksa Kedua .....	227
 LATAR DIRI .....	 228





## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Analisis Keputusan Peperiksaan Akhir Kursus BBM 361 untuk Empat Semester .....	4
2	Taburan Frekuensi Kesalahan Bahasa .....	84
3	Kekerapan Kesalahan Bahasa Secara Keseluruhan Menurut Jenis-jenis Kesalahan .....	87
4	Kekerapan Kesalahan Bahasa Secara Terperinci Menurut Jenis-jenis Kesalahan .....	88
5	Bilangan dan Peratus Kekerapan Kesalahan Bahasa Menurut Jenis-jenis Kesalahan .....	90
6	Kekerapan Kesalahan Perkataan Berdasarkan Kekerapan Tertinggi Hingga ke Kekerapan yang Terendah .....	94
7	Kekerapan Kesalahan Ayat Berdasarkan Kekerapan Tertinggi Hingga ke Kekerapan yang Terendah .....	97
8	Kekerapan Kesalahan Ejaan Berdasarkan Kekerapan Tertinggi Hingga ke Kekerapan yang Terendah .....	100
9	Perbezaan Min dan Sisihan Piawai bagi Enam Kumpulan Program dalam Kesalahan Penggunaan Perkataan .....	104
10	Jadual ANOVA bagi Kesalahan Penggunaan Perkataan .....	105
11	Perbezaan Nilai Ratio dan Nilai Kebarangkalian F bagi Jenis-jenis Kesalahan Perkataan .....	105
12	Perbezaan Min dan Sisihan Piawai bagi Enam Kumpulan Program dalam Kesalahan Struktur Ayat .....	107
13	Jadual ANOVA bagi Kesalahan Struktur Ayat .....	108
14	Perbezaan Nilai Ratio dan Nilai Kebarangkalian F bagi Jenis-jenis Kesalahan Ayat .....	108



<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
15 Perbezaan Min dan Sisihan Piawai bagi Enam Kumpulan Program dalam Kesalahan Ejaan .....	109
16 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Penggunaan Ejaan .....	110
17 Perbezaan Nilai Ratio dan Nilai Kebarangkalian F bagi Jenis-jenis Kesalahan Ejaan .....	111
18 Perbezaan Min dan Sisihan Piawai bagi Enam Kumpulan Program dalam Keseluruhan Kesalahan Bahasa .....	112
19 Jadual ANOVA bagi Keseluruhan Kesalahan Bahasa .....	113
20 Taburan Pelajar Lelaki dan Perempuan .....	114
21 Kekurangan Kesalahan Bahasa bagi Kumpulan Pelajar Lelaki .....	115
22 Kekurangan Kesalahan Bahasa bagi Kumpulan Pelajar Perempuan .....	119
23 Kekurangan Kesalahan Bahasa bagi Kumpulan Pelajar Lelaki dan Perempuan .....	121
24 Ujian-T bagi Kesalahan Bahasa Berdasarkan Jantina .....	123
25 Ujian-T bagi Kesalahan Perkataan Berdasarkan Jantina .....	124
26 Ujian-T bagi Kesalahan Ayat Berdasarkan Jantina .....	125
27 Ujian-T bagi Kesalahan Ejaan Berdasarkan Jantina .....	126
28 Bilangan Pelajar Kumpulan Pencapaian BM SPM Menurut Kategori Tinggi, Rendah dan Sederhana .....	128
29 Kesalahan Perkataan yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan Pencapaian BM SPM .....	129



<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
30 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Penggunaan Perkataan Berdasarkan Kumpulan Pencapaian BM SPM .....	130
31 Kesalahan Ayat yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan Pencapaian BM SPM .....	131
32 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Struktur Ayat Berdasarkan Kumpulan Pencapaian BM SPM .....	132
33 Kesalahan Ejaan yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan Pencapaian BM SPM .....	133
34 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Ejaan Berdasarkan Kumpulan Pencapaian BM SPM .....	133
35 Kesalahan Bahasa yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan Pencapaian BM SPM .....	134
36 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Bahasa Berdasarkan Kumpulan Pencapaian BM SPM .....	135
37 Bilangan Pelajar Kumpulan SSE Tinggi, Rendah dan Sederhana .....	138
38 Kesalahan Perkataan yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan SSE .....	139
39 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Penggunaan Perkataan Berdasarkan Kumpulan SSE .....	139
40 Kesalahan Ayat yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan SSE .....	140
41 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Struktur Ayat Berdasarkan Kumpulan SSE .....	141
42 Kesalahan Ejaan yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan SSE .....	142
43 Jadual ANOVA bagi Kesalahan Ejaan Berdasarkan Kumpulan SSE .....	143



<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
44	Kesalahan Bahasa yang Dilakukan oleh Tiga Kumpulan Pelajar Berdasarkan SSE .....	144
45	Jadual ANOVA bagi Kesalahan Bahasa Berdasarkan Kumpulan SSE .....	145
46	Min dan Sisihan Piawai bagi Kekerapan Usaha Meningkatkan Penguasaan BM .....	147
47	Nilai Korelasi dan Tahap Signifikan bagi Kekerapan Usaha Meningkatkan Penguasaan BM dengan Jumlah Kesalahan Bahasa .....	149
48	Jadual Pemilihan Saiz Sampel .....	219



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Model Penganalisan Kesalahan Bahasa Berdasarkan Teori-teori Linguistik .....	64
2	Kesalahan Bahasa Berdasarkan Hubungan Pemboleh-pemboleh Ubah dalam Kajian .....	65



## SENARAI SINGKATAN

BM	=	Bahasa Melayu
BP	=	Bachelor Pendidikan
BP (PBMP)	=	Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pertama)
BP (TESL)	=	Bachelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua)
BP (B&K)	=	Bachelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)
BP (PJ)	=	Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)
BP (SP)	=	Bachelor Pendidikan (Sains Pertanian)
BP (SRT)	=	Bachelor Pendidikan (Sains Rumah Tangga)
Hlm.	=	Halaman
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	=	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPSS	=	The Statistical Package for the Social Sciences
SSE	=	Status Sosioekonomi
UPM	=	Universiti Pertanian Malaysia
X	=	min
*	=	perkataan, frasa, ayat atau ejaan yang salah



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti  
Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat-syarat keperluan ijazah Master Sains

KESALAHAN BAHASA MELAYU DI KALANGAN MAHASISWA FAKULTI  
PENGAJIAN PENDIDIKAN UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

Oleh

INDERBIR KAUR A/P SHAMSHER SINGH

SEPTEMBER 1995

Pengerusi : Profesor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Bahasa Moden

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan data tentang kesalahan bahasa Melayu (BM) yang dilakukan oleh pelajar yang mengikuti enam kursus Bachelar Pendidikan (BP) di Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti jenis-jenis kesalahan bahasa dan kekerapan kesalahan yang dilakukan oleh subjek kajian berdasarkan pemboleh-pemboleh ubah seperti program, jantina, status sosio-ekonomi (SSE), pencapaian BM SPM dan kekerapan usaha meningkatkan penguasaan BM.

Data kajian dikumpul dengan menggunakan dua kaedah, iaitu melalui penulisan karangan dan soal selidik. Kesalahan bahasa dalam aspek perkataan, ayat dan ejaan didapati daripada karangan pelajar manakala maklumat



tentang pembelajaran BM pelajar didapati daripada borang soal selidik.

Sebanyak 235 buah karangan pelajar dimarkahi dan daripada jumlah ini, pelajar melakukan sebanyak 1,245 kesalahan dalam aspek perkataan, ayat dan ejaan. Min kesalahan bagi setiap pelajar ialah 5.3, yakni 3.6 kali kesalahan dalam aspek perkataan, min 1.9 dalam aspek ejaan dan min sebanyak 0.8 dalam kesalahan struktur ayat.

Hasil ujian statistik ANOVA bagi pemboleh ubah program menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pelajar dari enam kumpulan program BP yang dikaji. Pelajar dari kumpulan BP (Sains Pertanian) didapati paling banyak melakukan kesalahan BM dengan min sebanyak 7.6, berbanding dengan kumpulan BP (Pengajaran BM sebagai Bahasa Pertama) yang mempunyai min sebanyak 3.9.

Dari segi jantina, hasil perkiraan ujian -T menunjukkan perbezaan yang signifikan antara jantina bagi kesalahan perkataan dan ejaan. Bagi aspek ayat pula, perbezaan yang didapati adalah tidak signifikan. Pelajar lelaki (56.6%) pula didapati lebih banyak membuat kesalahan bahasa berbanding dengan pelajar perempuan (43.4%).

Bagi pemboleh ubah pencapaian BM SPM, pelajar terbahagi kepada tiga kumpulan, iaitu kumpulan





berpencapaian tinggi, kumpulan berpencapaian sederhana dan kumpulan berpencapaian rendah. Analisis keputusan menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara kesemua kumpulan kajian.

Seterusnya, pemboleh ubah SSE juga dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu, kumpulan SSE tinggi, kumpulan SSE sederhana dan kumpulan SSE rendah. Ujian statistik menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara kumpulan SSE tinggi dan kumpulan SSE rendah.

Dari segi kekerapan pembelajaran BM pula, pelajar didapati paling kerap mendengar berita diikuti oleh kekerapan membaca akhbar dan mendengar syarahan BM. Pelajar paling kurang menulis artikel untuk siaran akhbar, majalah atau pertandingan sebagai usaha meningkatkan penguasaan BM. Ujian korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang lemah dari segi perkaitan antara kekerapan usaha meningkatkan penguasaan BM dengan kekerapan kesalahan bahasa.

Keputusan kajian membuktikan kelemahan pelajar dalam penguasaan BM. Ini mempunyai implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran BM pada peringkat institusi pengajian tinggi umumnya, dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden dan Fakulti Pengajian Pendidikan.



Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti  
Pertanian Malaysia as partial fulfilment of the  
requirements for the degree of Master of Science

MALAY LANGUAGE ERRORS AMONG STUDENTS IN THE FACULTY  
OF EDUCATIONAL STUDIES UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

By

INDERBIR KAUR A/P SHAMSHER SINGH

SEPTEMBER 1995

Chairman : Profesor Abdul Hamid Mahmood, Ph.D.

Faculty : Modern Language Studies

This study was done to obtain information on errors made in Malay Language by students doing a degree in the six Bachelor of Education (B. Ed.) programmes in Universiti Pertanian Malaysia. The objective of this study was to identify the types and frequency of errors in Malay Language made by these students according to a few variables, such as programme, sex, socioeconomic status (SES), grades of Malay Language in SPM examinations and efforts made to improve Malay Language by these students.

To obtain data for this study, two methods were used, that is through a written composition and a questionnaire. Errors in aspects of morphology, syntax and spelling were obtained from the written composition



whereas information on how students improve their Malay Language was obtained from the questionnaire.

From 235 compositions examined, students made 1,245 errors in the aspects of morphology, syntax and spelling. On the average, each student made 5.3 errors, that is, 2.6 morphological errors, 1.9 spelling errors and 0.8 syntactical errors.

Results from the ANOVA statistical test showed that for the programme variable, there was a significant difference between students from the six B.Ed. programmes. Students from the B.Ed. (Agricultural Science) programme made the most errors with an average of 7.6 compared to students from the B.Ed. (The Teaching of Malay Language as a First Language) programme which had an average of 3.9 errors each student.

In terms of sex, results of the t-test showed a significant difference for morphological and spelling errors. Nevertheless, for syntactical errors, the results shown were not significant. Male students made more errors (56.6%) in comparison with female students (43.4%).

For the grades of Malay Language in SPM variable, students were divided in three groups, that is, group



with good results, group with average results and group with poor results. Results showed that there was a significant difference between all the groups.

Students for the SES variable were also divided in three groups, that is, the high SES group, the average SES group and the low SES group. Results showed a significant difference between the high SES group and the low SES group.

In terms of efforts made for improving Malay Language proficiency, students most frequently listen to Malay news, read newspapers in Malay Language and listen to lectures in Malay Language. Students hardly write articles in Malay Language for the papers, magazines or for essay competitions as a way to improve their Malay Language. The Pearson Correlation test showed a weak association between efforts input for improving Malay Language and frequency of errors.

The results of this study proved that these students are still weak in the Malay Language. This has implications on the language teaching and learning at the institution of higher learning level generally, and in the Faculty of Educational Studies, specifically.



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

Bahasa Melayu (seterusnya BM) telah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi negara Malaysia. Hal ini jelas dinyatakan dalam Fasal 152 perlembagaan negara. Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah memperkuatkan pula penggunaan BM dalam semua urusan, dengan itu sekali gus telah menaikkan martabat BM pada tahap yang sewajarnya. Fungsi BM sebagai alat perpaduan negara melalui sistem pendidikan terus dilaksanakan. Matlamat kerajaan menjadikan BM sebagai bahasa pengantar sepenuhnya daripada peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi, jelas terlaksana secara menyeluruh mulai tahun 1983.

Menurut Laporan Kabinet (1982), pada tahun 1978 BM telah digunakan dengan meluas di sekolah-sekolah, malah BM juga telah dijadikan bahasa perantaraan bagi masyarakat majmuk di negara ini. Dengan itu, BM sudah dapat memainkan peranannya sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum dalam proses mencapai perpaduan negara.



Seterusnya, tahun 1980 merupakan tahun pertama universiti dalam aliran sastera dan mata pelajaran tertentu yang menggunakan bahasa pengantar Melayu. Pada tahun 1983 pula, semua kursus aliran sastera, sains, kejuruteraan, perubatan dan lain-lain menggunakan pengantar bahasa Melayu. Dengan ini, BM telah dapat berfungsi dengan baik sebagai bahasa pengantar ilmu serta dapat mengungkapkan dan menghuraikan konsep ilmu yang abstrak dengan jelas (Abdul Hamid Mahmood, 1993).

Walaupun penggunaan BM sudah begitu meluas di dalam dan di luar sekolah, namun tanda-tanda yang menunjukkan kesalahan penggunaan bahasa juga tidak kurang. Ini menunjukkan penggunaan BM yang sempurna masih jauh daripada apa yang diharapkan.

Walaupun kursus BM intensif yang diadakan di maktab-maktab perguruan bagi guru-guru bukan Melayu sudah mencapai matlamat negara untuk menjadikan BM sebagai bahasa rasmi tunggal, tetapi masih terdapat beberapa kelemahan. Ini sudah tentu menjejaskan prestasi BM di sekolah-sekolah.

Bagi pengajaran BM di peringkat universiti, laporan tahunan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 1977 tentang pelaksanaan BM sebagai bahasa pengantar melaporkan hampir 80% pengajaran pada peringkat diploma dilaksanakan dalam BM. Laporan tahunan 1983 pula melaporkan hampir seratus peratus syarahan dikendalikan dalam BM pada peringkat diploma dan bacelor. Jabatan Bahasa di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM telah memainkan peranan penting dan bertanggungjawab melatih serta melengkapkan mahasiswa-mahasiswa pelbagai kaum dengan pelajaran BM.

Berhubung dengan pengajaran BM di Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Pertanian Malaysia, satu kursus ikhtisas BM yang wajib diambil oleh semua pelajar Bacelor Pendidikan ialah kursus Bahasa Melayu untuk Pengajaran (BBM 361). Peruntukan masa untuk kursus ini dua jam kredit, iaitu dua jam dalam seminggu. Objektif kursus ini ialah supaya pelajar dapat menggunakan BM sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengantar pengajaran dalam pelbagai disiplin ilmu dengan tepat (sila rujuk Lampiran 1).

Satu analisis keputusan peperiksaan akhir kursus BBM 361 telah dibuat untuk melihat prestasi pelajar. Sila rujuk jadual pada halaman 4.

## Jadual 1

Analisis Keputusan Peperiksaan Akhir Kursus BBM 361  
untuk Empat Semester.

Semester	Julai 92/93	Disember 92/93	Julai 93/94	Disember 93/94
Gred				
A	3.6%	17.9%	12.3%	10.1%
B+	5.8%	27.6%	19.7%	29.2%
B	39.8%	42.7%	46.7%	48.3%
C+	36.9%	11.5%	21.3%	11.6%
C	10.9%	0.3%	-	0.9%
D	2.9%	-	-	-

Daripada analisis keputusan peperiksaan akhir kursus BBM 361, didapati purata pencapaian pelajar ialah gred B. Keputusan pelajar dalam semester Disember 92/93 pula didapati terbaik secara berbanding. Seramai 17.9% pelajar berjaya mencapai gred A. Sementara itu, tiada pelajar yang mendapat gred D dan hanya 0.3% daripada keseluruhan pelajar tersebut mendapat gred C.

Walau bagaimanapun, selepas semester Julai 92/93, tiada lagi pelajar yang mendapat gred D. Ini menunjukkan prestasi BM pelajar telah meningkat secara keseluruhannya. Keputusan terkini, iaitu bagi semester Disember



93/94 pula menunjukkan prestasi pelajar yang semakin meningkat. Ini terbukti dengan peratus yang meningkat bagi gred A dan B+ berbanding dengan semester-semester sebelumnya.

Namun begitu, prestasi keseluruhan pelajar dalam kursus ini dianggap masih kurang memuaskan dan harus diperbaiki memandangkan setiap pelajar yang akan bergraduat perlu menggunakan BM dalam pengajaran. Oleh itu, kajian tentang kesalahan bahasa bagi pelajar program Bachelor Pendidikan mungkin dapat membantu dalam usaha meningkatkan penguasaan BM pelajar.

Usaha menjadikan BM sebagai bahasa pengantar di universiti-universiti tempatan adalah untuk memenuhi matlamat negara menjadikan BM sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara. Namun, soalnya sekarang, setelah mengikuti pengajian selama sekurang-kurangnya enam semester, bagaimanakah prestasi BM mahasiswa daripada program pendidikan? Secara umum, berdasarkan pemerhatian kasar, masih terdapat banyak kesalahan penggunaan bahasa yang dilakukan terutamanya dalam tugas-tugas yang dibuat dalam BM. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang jenis kesalahan bahasa yang sering dilakukan berdasarkan program, jantina, kelulusan BM pada peringkat SPM, dan juga status sosio-ekonomi.

